

<b>Publication</b>	<b>Berita Harian</b>	<b>Section/Page No.</b>	<b>Bisnes</b>
<b>Date</b>	<b>Jumaat, 24 Februari 2023</b>	<b>Lead Article</b>	
<b>Headline</b>	<b>Takaful Malaysia Raih Hasil Operasi RM3.765 Bilion</b>		



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia, Nor Azman Zainal.

KUALA LUMPUR: Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (STMKB) mencatatkan hasil operasi sebanyak RM3.765 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, meningkat 18 peratus berbanding RM3.179 bilion dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Menurut pengendali takaful pertama di Malaysia dalam kenyataan hari ini, peningkatan hasil operasi kumpulan

adalah disebabkan oleh jualan yang lebih tinggi daripada perniagaan takaful keluarga dan takaful am.

Katanya, caruman kasar Takaful Malaysia meningkat 19 peratus kepada RM3.334 bilion daripada RM2.798 bilion yang dicatatkan pada 2021.

"Keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) bagi tahun dikaji meningkat sebanyak 14 peratus kepada RM500 juta berbanding RM438.7 juta pada tahun kewangan sebelumnya.

"Peningkatan dalam PBZT kumpulan adalah disebabkan oleh pendapatan yuran wakalah bersih yang lebih tinggi.

Perniagaan takaful keluarga kumpulan menjana caruman perolehan kasar sebanyak RM2.177 bilion bagi tahun

kewangan dikaji, 15 peratus lebih tinggi berbanding RM1.887 bilion pada 2021, disebabkan oleh jualan yang lebih tinggi daripada produk berkaitan kredit.

"Perniagaan takaful am kumpulan merekodkan caruman perolehan kasar sebanyak RM1.026 bilion bagi tahun dikaji, 17 peratus lebih tinggi berbanding RM878.7 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya, disebabkan oleh kelas perniagaan kebakaran dan motor," katanya.

Bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2022, Takaful Malaysia mencatatkan peningkatan dalam hasil operasi

sebanyak RM1.011 bilion, peningkatan 15 peratus berbanding RM878 juta yang dilaporkan pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Hasil operasi suku tahunan kumpulan melepasi RM1.0 bilion, terutamanya disebabkan oleh jualan perniagaan takaful am dan keluarga yang lebih tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia, Nor Azman Zainal, berkata walaupun beroperasi dalam persekitaran pasaran yang mencabar akibat normalisasi ekonomi di mana aktiviti perniagaan dan sosial

diteruskan ke pasca pandemik.

Namun katanya, pihaknya berjaya mengekalkan operasi perniagaan dan mencapai pencapaian baharu dengan catatan rekod terbaik RM3.3 bilion dalam jumlah caruman kasar dan RM500 juta keuntungan sebelum zakat dan cukai pada 2022.

"Prestasi cemerlang kami telah mengukuhkan aliran tunai untuk menutup tahun kewangan 2022 dalam kedudukan lebihan dan memberi nilai yang mampan kepada pemegang saham.

"Perniagaan teras yang mantap dalam segmen perniagaan bancatakaful, perbendaharaan, manfaat pekerja dan takaful am terus mengukuhkan kehadiran pasaran kami untuk

mengembangkan bahagian pasaran dan kepimpinan kami dalam industri takaful.

"Memandangkan permintaan yang semakin meningkat untuk produk takaful serta persekitaran pasaran yang rancak, kami memberi tumpuan untuk menembusi pasaran lebih jauh dan memanfaatkan peluang perniagaan," katanya.

Nor Azman berkata, pihaknya akan memanfaatkan kedudukan pasaran utamanya dalam segmen perniagaan berkaitan kredit dan takaful am, membangunkan perniagaan takaful keluarga penasihat dan tumpuan kepada pengembangan pasaran runcit untuk menyediakan rakyat Malaysia akses yang lebih besar kepada penyelesaian perlindungan yang komprehensif dan mampu milik, daripada produk takaful am hingga keluarga.

"Hala tuju strategik kami adalah untuk mempelbagaikan portfolio perniagaan kami dan memastikan perniagaan mampan masa hadapan untuk melengkapkan perniagaan teras kami yang sedia ada.

"Sebagai perintis dalam industri takaful selama lebih tiga dekad, kami akan memfokuskan pembinaan perniagaan yang mampan untuk jangka masa panjang dalam menyampaikan nilai kepada pemegang saham dan memenuhi keperluan perlindungan pelanggan kami," katanya.